



CENDERAHATI....Dr Ag Asri (dua kiri) menyampaikan cenderamata kepada Dr Zamhar pada Forum Perdana Di Manakah Kita?
NST 6.12.2014

182 mahasiswa UMSKAL jayakan Forum Perdana

LABUAN : Seramai 182 mahasiswa Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antara bangsa Labuan (UMSKAL) telah menjayakan program Forum Perdana 'Di Manakah Kita?' anjuran Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah (SPRUMS) Cawangan Kampus Antarabangsa Labuan pada baru-baru ini.

Forum itu telah dikendalikan oleh moderator Muhammad Fadzil Othman dari SPRM Labuan yang menampilkan agli panel iaitu Shamsul Haji Salip dari Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, Dr. Zamhar Iswandono Awang Ismail, Timbalan Dekan Fakulti

Komputeran dan Informatik UMSKAL Ezra John Anthony selaku Exco Kepimpinan dan Latihan bagi Majlis Perwakilan Pelajar UMSKAL dan Muhammad Firdaus Mohd Kushairi selaku Exco Lajnah Tarbiah dan Pendidikan bagi Kelab Sahabat Al-Hikmah UMSKAL.

Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik UMSKAL, Prof Madya Dr. Ag Asri Ag Ibrahim yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menjadi tetamu kehormat majlis berkenaan yang diadakan di Dewan Kuliah Pusat.

Tujuan program itu diadakan adalah untuk membincangkan tentang pemahaman mahasiswa tentang rasuah, tahap permasalahan

rasuah yang berlaku terutamanya dalam kalangan mahasiswa, cara-cara yang boleh mahasiswa lakukan untuk membendung gejala rasuah serta membincangkan tentang isu-isu semasa tentang rasuah.

Selain itu, para peserta juga turut diberikan peluang untuk mengajukan soalan berkaitan rasuah untuk dibincangkan. Secara tidak langsung, persoalan-persoalan tersebut dapat dijelaskan dan dirungkaikan dengan baik oleh para panel.

Mohd Arba yang merupakan Pengarah Program berkata, program ini juga dapat membantu merungkai segala kekeliruan mahasiswa dalam konteks rasuah itu sendiri.

Justeru melalui program ini dapatlah mahasiswa diberi pencerahan serta tambahan ilmu tentang rasuah.

"Apa yang paling penting, mahasiswa dapat mempraktikkan cara untuk membendung gejala rasuah tidak kiralah dalam kalangan mereka sendiri maupun masyarakat luar amnya," katanya.

Beliau juga tidak lupa untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UMSKAL dan Pengarah UMSKAL kerana memberi peluang untuk mereka mengadakan program Forum Perdana (Dimanakah Kita) ini. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN**



HADIR.... Ag Asri (tengah baju putih) bersama ahli panel dan mahasiswa yang menjayakan Forum Perdana Di Manakah Kita di Dewan Kuliah Pusat UMS Labuan, baru-baru ini.